

# 2 pelajar, dua penjawat awam perdengar bacaan

28.4.2015 UNISIA

Oleh FARHANA JONI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 APRIL

**D**UA pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan dua penjawat awam antara tujuh peserta yang memperdengarkan bacaan pada malam keempat Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan kali ke-58 di Pusat Islam di sini.

Seramai empat qari dan tiga qariah memperdengarkan bacaan masing-masing malam ini selepas 14 peserta selesai menunaikan tanggungjawab mereka pada malam kedua dan ketiga.

Qariah dari Kedah, **Nurul Husnaa Sharif**, 21, merupakan peserta paling muda dan mengakui berasa gementar untuk bersaing dengan mereka yang lebih senior tetapi tetap teruja untuk menunjukkan kebolehan diri.

Pelajar tahun dua Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu membacakan surah Al-'Anfal ayat 20 dengan taranum wajib sikhah dan jiharkah berkata, penglibatannya dalam pertandingan kali ini merupakan peluang mendalami bidang taranum.

"Jika dibandingkan saya dengan peserta lain, sudah tentu banyak lagi yang perlu dipelajari kerana persediaan yang saya lakukan pun di saat-saat akhir iaitu selepas dinobatkan juara di peringkat negeri, awal bulan ini.

"Walaupun saya tidak meletakkan harapan untuk menang, saya tetap berpuas hati kerana telah berusaha memberi persembahan terbaik," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, qariah yang juga hafizah dari Melaka, **Suhailah Zulkiffy**, 26, sedang menghabiskan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Al-Quran dan Sunah) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berharap rezeki memihak kepadanya kali ini.



**NURUL HUSNAA**



**SUHAILAH**



**AZRAIE**



**SANAYAH**

Anak sulung daripada empat beradik ini menjadi peserta keenam malam ini memberitahu, penglibatannya dalam majlis tilawah kali ini adalah yang ketiga selepas mendapat tempat sagu hati pada 2011 dan keempat (2012).



**WAN AINUDDIN**

"Saya berharap prestasi bacaan kali ini lebih baik daripada sebelum ini kerana impian saya adalah mahu menjadi contoh kepada tiga adik yang juga aktif dalam bidang taranum al-Quran," katanya selepas mengalunkan bacaan dari surah Luqman ayat (taranum bayati dan jiharkah).

Rakan senegerinya, qari, **Azraie Abdul Hak**, 35, yang bertugas sebagai guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Beruang, Melaka, berharap dapat mengikut jejak langkah ayahnya yang dinobatkan sebagai Johan Qari Kebangsaan sebanyak enam kali dan empat kali Johan Qari Antarabangsa.

Dia yang menjadi peserta pertama menerusi surah At-Taubah ayat 23 (taranum sikhah dan hijaz) berterus-terang bahawa ayahnya, Datuk Abdul Hak @ Abdul Ghani Abdullah, 74, merupakan individu pertama yang menyokongnya untuk terus istiqomah dalam bertaranum al-Quran.

"Kalau ikut perasaan ini, saya memang tidak mahu bertanding kerana banyak kali kalah tetapi



**MOHAMAD HUSAINI MOHD. SYAHEED**



ayah tidak pernah jemu memujuk dan memberi kata-kata semangat supaya saya terus berusaha," katanya.

Dalam pada itu, qariah Sabah, **Sanayah Janaid**, 41, yang selesai membacakan surah Al-Baqarah ayat 208 (taranum rast dan hijaz) berharap, jika rezeki memihak kepadanya, dia berhasrat ingin membuka kelas mengaji al-Quran dan taranum di Sipitang, Sabah.

"Penduduk yang beragama Islam di Sipitang hanya 48 peratus, jadi tidak banyak kemudahan untuk belajar mengaji al-Quran di situ. Memang menjadi impian saya untuk membantu golongan muallaf khususnya menjadi celik al-Quran," katanya yang bertugas sebagai jururawat di Klinik Pergigian Sipitang.

Tiga peserta lain ialah qari Kelantan, **Wan Ainuddin Hilmi Abdullah** membacakan surah Saba' ayat 36 (taranum rast dan jiharkah), diikuti qari Negeri Sembilan, **Mohamad Husaini Mahmud** dengan surah Al-Imran ayat 133 (taranum hijaz dan rast), seterusnya qari Pahang **Mohd. Syaheed Sabri** menerusi surah Al-An'am ayat 151 (taranum hijaz dan rast).